



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 13 SEPTEMBER 2020**

| BIL                              | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                    |
|----------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| 1.<br>2.                         | PENGELUARAN DURIAN NEGARA CECAH 443,000 TAN METRIK MENJELANG 2030 – MAFI, BERNAMA -ONLINE<br>MALAYSIA'S DURIAN PRODUCTION TO HIT 443,000 METRIC TONNES BY 2030, SAYS MINISTRY, MALAY MAIL -ONLINE                                                                                                                                                                                           | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | PENTERNAK RUGI, EMPAT TAN IKAN TILAPIA MATI, NEGERI, SINAR AHAD -40<br>PENGUSAHA IKAN KERUGIAN RM50,000, DALAM NEGERI, UM -38<br>PENGUSAHA IKAN KERUGIAN RM50,000, NEGARA, KOSMO -12<br>RED TILAPIA FARMER SUFFERS RM50,000 LOSS AFTER FISH DIE, NATION, THE STAR -12<br>IKAN TEREAPUNG DIKHUATIRI TERCEMAR, DALAM NEGERI, UM -38<br>'JANGAN GHAIRAH SAUK IKAN TERAPUNG', NEGARA, KOSMO -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                  |
| 9.<br>10.                        | BAKA PLOTT HOUND TAK BOLEH DILESENKAN, NASIONAL, BH AHAD -19<br>PEMILIK ANJING GIGIT TANGAN BAYI TIADA LESEN, NEGERI, SH -41                                                                                                                                                                                                                                                                | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)              |
| 11.<br>12.<br>13.                | SAYUR RM1 HABIS DALAM EMPAT JAM, DALAM NEGERI, UM -38<br>SAYUR KEBUN RM1 SEIKAT LARIS, NEGARA, KOSMO -14<br>3,000 NELAYAN SUKAR JUAL HASIL LAUT, NEGARA, KOSMO -4                                                                                                                                                                                                                           | LAIN-LAIN                                         |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|---------|------------|
| 13/9/2020 | BERNAMA | ONLINE  |            |

## Pengeluaran durian negara cecah 443,000 tan metrik menjelang 2030 - MAFI



RAUB, 13 Sept -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan pengeluaran durian negara meningkat kepada 443,000 tan menjelang 2030 berbanding 384,170 tan pada 2019.

Setiausaha Bahagian Pemasaran dan Eksport MAFI Khalid Ibrahim berkata unjuran itu berdasarkan saiz kawasan tanaman durian negara seluas 72,536 hektar pada 2019.

Katanya Pahang, Johor dan Sarawak merupakan tiga negeri penyumbang utama kepada pengeluaran durian negara dengan Pahang mengeluarkan sebanyak 89,916 tan, Johor (87,838 tan) dan Sarawak (34,650 tan).

"Raub, Pahang adalah pusat pengeluaran utama durian bagi varieti Musang King. Daerah ini mempunyai kawasan penanaman durian berkeluasan 11,201.2 hektar dan pengeluaran sebanyak 70,650 tan metrik bernilai RM1.3 bilion.

"Musang King, D24, Duri IOI dan durian kampung merupakan varieti popular yang ditanam di sini," katanya pada Program Durio Tour @Raub 2020 yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Mengenai eksport durian, beliau berkata lima destinasi eksport utama negara ialah Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, China serta Vietnam, dan pada 2018, Malaysia mengeksport sejumlah 23,381 tan raja buah itu dengan nilai RM118.2 juta.

Mengenai program pelancongan durian atau Durio Tourism, Khalid optimis negara mampu merencanakan usaha itu selepas pandemik COVID-19 berakhir.

Menurutnya kaedah baharu digunakan bagi mempromosi Durio Tourism termasuk menggunakan pempengaruh media sosial yang mempunyai ratusan ribu pengikut.

"Pada Program Durio Tour @Raub 2020, MAFI berkesempatan membawa enam pelajar antarabangsa dari China dan lima pempengaruh serta dua wakil Kedutaan China untuk merasai pengalaman mengenali durian dan kawasan penanaman durian," katanya yang yakin usaha itu akan dapat mempromosikan Durio Tourism negara kepada pelawat China.

Sementara itu, Pengarah Kanan Galakan Pasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Rosilawati Abu Hassan yang turut hadir berkata program tersebut dapat memberikan kesan positif terhadap permintaan durian sejuk beku di China, sekali gus meningkatkan nilai eksport durian negara.

Menurutnya bagi memastikan kesegaran buah sepanjang perjalanan ke China, durian Musang King yang berkualiti tinggi dibawa terus dari dusun ke kilang dan diproses pada hari sama.

Selepas menjalani proses, buah akan dibungkus dengan kaedah pek vakum sebelum diletakkan di bilik sejuk beku yang bersuhu -18 darjah Celsius.

"Di bilik sejuk beku ini, durian boleh bertahan hingga enam bulan," katanya.

Rosilawati berkata sehingga 25 Feb lepas, terdapat 14 kilang pemprosesan durian sejuk beku bagi *whole fruit* di seluruh negara yang mendapat kelulusan Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC).

Program Durio Tour @Raub 2020 kali ini menjelajah sekitar Dataran Durian, Zamri Othman Agro Fam, Lembah Temir Resort dan PHG. Ever Fresh Food (M) Sdn Bhd.

-- BERNAMA

| TARIKH    | MEDIA      | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------|---------|------------|
| 13/9/2020 | MALAY MAIL | ONLINE  |            |

## Malaysia's durian production to hit 443,000 metric tonnes by 2030, says ministry



from Sarawak.

A vendor displays an e-wallet acceptance board at his durian stall in Setapak August 15, 2020. — Picture by Firdaus Latif

RAUB, Sept 13 — National durian production is expected to increase to 443,000 metric tonnes by 2030, said Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) marketing and export division secretary, Khalid Ibrahim.

He said the projection is based on the 2019 Crop Statistics (Food Crop Sub-sector) after the country recorded 72,536ha of durian cultivation and production of 384,170 metric tonnes last year.

Khalid said Pahang, Johor and Sarawak are the chief contributors to national durian production, with 89,916 metric tonnes coming from Pahang, 87,838 metric tonnes from Johor and 34,650 metric tonnes

"Raub in Pahang is the main producer of Musang King durian. This district has 11,201.2ha of land cultivated with durian and a production of 70,650 metric tonnes worth RM1.3 billion.

"Musang King (D197), D24, Duri IOI (D168) and Durian Kampung are the popular varieties grown here," he said at a Durio Tour @ Raub 2020 programme recently.

Khalid added that a total 23,381 metric tonnes of durian worth RM118.2 million was exported in 2018 and that the country's five major export destinations for durian are Singapore, Hong Kong, US, China and Vietnam.

In October 2019, MAFI told farmers and tourism industry players that it wanted to step up durio-tourism to attract more foreign tourists but the COVID-19 pandemic got in the way.

However, Khalid is still optimistic the country will achieve its aim after a new method of promotion was introduced using social media and the participation of several local university students from China.

"During the Durio Tour @ Raub 2020 programme, MAFI brought six China international students, five media influencers and two Chinese embassy representatives on an orchard and durian discovery.

"These social media influencers have hundreds of thousands of followers. I think that their videos will go viral here and in China," he said.

Khalid hopes that the promotion will be continued to help increase demand and the export value of durian to China, as well as show international durian lovers how to tell the Musang King and other durian varieties available in the market apart.

He said that the programme is also aimed at strengthening ties between durian industry players and MAFI, including promoting Malaysia as the world's top producer of premium durian and newer products by the agro-food sector.

Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) market promotion senior director, Rosilawati Abu Hassan, said the programme will have a positive impact on demand from China for frozen durian, increasing its export value.

"The Musang King durian exported to China is premium quality. It is brought directly from the orchard to the factory for the freezing process to maintain its quality.

"The freezing process is done on the same day. First the durian is cleaned then it goes into a blast freezer at -80°C to -110°C for at least an hour.

"Next, it is vacuum packed and kept in a cold room at -18°C. It will stay fresh for up to six months here. During the journey to China, it will be stored at -18°C as well, to prevent damage," she said.

Rosilawati said that as at Feb 25, there were 14 whole fruit durian freezing facilities with approval from the General Administration of Customs China (GACC), including PHG. Ever Fresh Food (M) Sdn Bhd, Top Fruits Sdn Bhd, Exofruits Industry Sdn Bhd, JL Food Industries Sdn Bhd and Kami Food Services Sdn Bhd.

This time, the Durio Tour @ Raub 2020 visited Dataran Durian, Zamri Othman Agro Farm, Lembah Temir Resort and PHG. Ever Fresh Food (M) Sdn Bhd. — Bernama

| TARIKH    | MEDIA      | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------|---------|------------|
| 13/9/2020 | SINAR AHAD | NEGERI  | 40         |

# Penternak rugi, empat tan ikan tilapia mati



Kerja-kerja pembersihan dilakukan di sangkar ikan tilapia di Sungai Santap Padang Sera, Kodiang, pada petang kelmarin dan semalam.



Ikan tilapia yang mati di Sungai Santap Padang Sera, Kodiang, dibawa menggunakan lori untuk ditanam ke dalam lubang besar yang dikorek dengan menggunakan jentolak semalam.

Kejadian berpunca akibat kadar oksigen di sungai turun secara mendadak

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

**JITRA**

**S**eorang penternak ikan sangkar air tawar mengalami kerugian RM50,000 apabila sebanyak empat tan ikan tilapia peliharaannya mati di Sungai Santap Padang Sera, Kodiang, dekat sini pagi kelmarin.

Halim Ishak, 47, berkata, beli-

au menyedari kejadian itu kira-kira jam 8 pagi ketika tiba di lokasi dan terkejut mendapati semua ikan terabit yang sedia untuk dijual timbul di permukaan sungai.

Menurutnya, ia adalah kejadian kali pertama sejak beliau mengusahakan penternakan ikan tilapia di dalam sangkar di sungai berkenaan 16 tahun lalu, namun mengakui reda dengan musibah yang berlaku.

"Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan Lembaga Sumber Air tiba pada jam 10 pagi untuk membuat pemeriksaan dan hasil pemeriksaan, mereka mendapati punca kejadian adalah penurunan kadar oksigen di sungai yang mendadak," katanya ketika ditemui *Sinar Ahad* semalam.

Bapa kepada dua anak tersebut berkata, kerja-kerja pembersihan di sangkarnya dilakukan pada jam 4 petang sehingga 7 malam kelmarin sebelum ia disambung semula pada jam 8 pagi sehingga 9 pagi semalam.

"Semua ikan yang mati ini ditanam dalam satu lubang besar yang dikorek menggunakan jentolak kira-kira satu kilometer dari sangkar bagi mengelak bau busuk," katanya.

Katanya, kejadian itu tidak akan mematahkan semangatnya dan memberitahu bakal melepaskan kira-kira 20,000 ekor anak ikan dengan kos RM6,000 di dalam 51 sangkar ikan selepas mendapat lampu hijau daripada Jabatan Perikanan.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 13/9/2020 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 38         |



**PEKERJA** di sangkar ternakan ikan Sungai Santap, Padang Sera, Kedah mengeluarkan ikan tilapia yang ditemukan mati, kelmarin.

## Pengusaha ikan kerugian RM50,000

**JITRA:** Seorang penternak sangkar ikan di Sungai Santap, Padang Sera dekat sini menanggung kerugian kira-kira RM50,000 selepas lebih empat tan metrik ikan tilapia yang ditenak sejak lima bulan lalu ditemukan mati, kelmarin.

Halim Ishak, 47, berkata, dia terkejut mendapati ribuan ikan termasuk kira-kira 20,000 anak ikan berusia tiga minggu di sangkar ternakan terapung kira-kira pukul 7 pagi.

Katanya, kebanyakan ikan tilapia yang mati itu sudah sedia untuk dipasarkan.

"Saya membuang semua bangkai ikan itu bagi mengelak-

kan air sungai tercemar dan berbau busuk.

"Kerja-kerja membuang bangkai ikan dijangka mengambil masa dua hari," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Halim, sebelum kejadian iaitu pada petang Khamis lalu, air sungai susut dua meter dan kemungkinan memberi kesan kepada ikan.

"Saya menghubungi Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan Lembaga Sumber Air berhubung kejadian tersebut untuk membuat aduan.

"Pihak berkenaan datang melawat kira-kira pukul 10 pagi hari

sama dan mengambil sampel air serta memaklumkan bahawa kadar oksigen di sungai turun mendadak dipercayai menjadi punca kematian ikan," ujarnya.

Tambahnya, ia merupakan kejadian pertama sepanjang mengusahakan ternakan tilapia sejak 16 tahun lalu dan memerlukan modal sebanyak RM6,000 untuk melepaskan semula 20,000 anak ikan baharu.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Datuk Fouzi Ali berkata, pihaknya ada menerima laporan berkaitan kematian ikan di kawasan Terusan Utara.

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 13/9/2020 | KOSMO | NEGARA  | 12         |

Empat tan ternakan ditemui mati dalam sangkar

# Pengusaha ikan kerugian RM50,000

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

**JITRA** - Seorang penternak ikan sangkar di Sungai Santap, Padang Sera dekat sini kelmarin berputih mata apabila kerugian kira-kira RM50,000 selepas lebih empat tan ikan tilapia yang ditenak sejak lima bulan lalu mati.

Penternak, Halim Ishak, 47, berkata, dia terkejut apabila mendapati ribuan ikan di sangkar ternakan tersebut ditemui dalam keadaan terapung kira-kira pukul 7 pagi.

Katanya, ikan yang mati melibatkan empat tan tilapia yang sedia dipasarkan dan kira-kira 20,000 anak ikan berusia tiga minggu.

"Saya terpaksa mengeluarkan semua bangkai ikan sebelum ditanam di lokasi lain bagi mengelakkan air sungai di sini tercemar dan berbau busuk.

"Kerja-kerja membuang bangkai ikan dijangka mengambil masa selama dua hari," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Halim, sebelum kejadian iaitu pada petang Khamis lalu air sungai susut sebanyak dua meter dan ia kemungkinan memberi kesan kepada ikan.

"Saya kemudian menghubungi Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan Lembaga Sumber Air berhubung kejadian tersebut untuk membuat aduan.

"Pihak berkenaan datang melawat kira-kira pukul 10 pagi hari yang sama dan mengambil



**PEKERJA** mengeluarkan bangkai ikan tilapia dari sangkar ternakan di Sungai Santap, Padang Sera dalam daerah Kubang Pasu semalam.

sampel air serta memaklumkan bahawa kadar oksigen di sungai turun mendadak dan dipercayai menjadi punca kematian ikan," ujarinya.

Tambahnya, ia merupakan kejadian pertama sepanjang mengusahakan ternakan tilapia sejak 16 tahun lalu dan memerlukan modal sebanyak RM6,000 untuk melepaskan semula 20,000 anak ikan yang baharu.

"Saya membuat laporan di Balai Polis Kodiang kira-kira pukul 1.30 petang semalam (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Datuk Fouzi Ali berkata, pihaknya ada menerima laporan berkaitan kematian ikan di kawasan Terusan Utara.

"Sampel air di kawasan Terusan Utara, Alor Changilah, Sungai Tanjung Pauh dan Sungai Bata telah diambil pada Khamis lalu.

"Sampel air ini sedang dianalisa atas kesesuaian bagi kegunaan tanaman padi, ekosistem terusan dan sungai berkaitan," tambahnya.



**Devastating:** Halim loading the dead tilapia onto his lorry in Padang Sera in Jitra, Kedah.

## Red tilapia farmer suffers RM50,000 loss after fish die

By GC TAN  
north@thestar.com.my

**JITRA:** A fish breeder suffered a huge setback after four tonnes of his red tilapia died due to oxygen levels dropping to zero at his aquaculture farm in Sungai Santap, some 22km from here.

Halim Ishak, 47, of Padang Sera, who has been breeding red tilapia there for the past 16 years, said he suffered RM50,000 in losses.

"I have 51 red tilapia cages in the river. When I went to check on them at about 7am and I saw the fish floating.

"Sixteen cages containing six-month-old tilapia were affected.

"Each cage has about 700 tilapia weighing between 400g and 600g each.

"This is the first time I've encountered this phenomenon," said Halim, referring to thermal stratification.

Thermal stratification of a water body begins after an extended period without rain.

The water column stratifies into a lower, colder section which eventually runs out of oxygen while the upper section, heated by the sun, remains on top and gains oxygen through surface movement and planktonic activity.

But after a sudden bout of heavy rain, the oxygen-rich upper column will sink when it

“

A Fisheries officer told me that the fish probably died due to the oxygen level dropping to zero in the river.

Halim Ishak

”

gets cold and mix with the zero-oxygen water column below.

Fish housed in cages normally die when this occurs.

Halim said a team of officers from Fisheries Department's bio-security division and another team from the Environment Department's water quality section visited his farm later on Friday to investigate.

"A Fisheries officer told me that the fish probably died due to the oxygen level dropping to zero in the river," he said.

Tilapia, he said, could have fetched up to RM15 per kg in the Kampung Kodiang market here.

Watch the video  
[thestartv.com](http://thestartv.com)



13/9/2020

UTUSAN

DALAM

38

MALAYSIA

NEGERI

Orang ramai diingatkan tidak ambil, makan

# Ikan terapung dikhuatiri tercemar

**OLEH NUR NAZLINA NADZARI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**ARAU:** Sejak kelmarin, suasana di kawasan Tambun Tulang di sini 'meriah' apabila orang ramai mengambil kesempatan mai mengambil kesempatan menjual ikan mati yang terapung di sungai di kawasan itu.

Berikutan itu, Pengerusi Jawatan kuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar, Teh Chai Aan menasihatkan orang ramai agar tidak terlalu ghairah mengambil ikan yang terapung di sungai berkenaan kerana dikhuatiri tercemar.

Katanya, ratusan ikan mati dan hanyut perlahan-perlahan di Sungai Tambun Tulang dari pada beberapa spesies seperti lampam, talapia dan baung.

Jelasnya, ramai dalam kalangan penduduk kampung berhampiran mengambil kesempatan menjual ikan tersebut yang dipercayai untuk dimakan dan dijual.

"Ikan tersebut dipercayai dibawa arus dari Sungai Korok di Jitra, Kedah. Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan negeri mengambil sampel untuk ujian kimia dan keputusannya dijangka diperoleh dalam masa beberapa hari.

"Sehingga kini, kualiti air secara visual dalam keadaan baik dengan sedikit keruh. Analisis lapangan juga menunjukkan keadaan masih baik dan tiada tanda-tanda air tercemar serta tidak berminyak," katanya di sini semalam.

Chai Aan berkata, JAS negeri mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Perikanan negeri dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Sungai Tambun Tulang adalah sumber air bagi Loji Pembersihan Air Arau dan operator telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut," ujarnya.

Kelmarin, tular di media sosial Facebook mengenai ikan timbul di Sungai Korok seterusnya ke Sungai Tambun Tulang di sini yang mati dipercayai akibat pencemaran.

Selain itu, orang ramai juga turut berkongsi beberapa kepung gambar ikan dan udang yang disauk di sungai Tambun Tulang dipercayai untuk dimakan serta dijual.



ANTARA Ikan ditemukan mati di Sungai Tambun Tulang, Arau, Perlis.

## 'Jangan ghairah sauk ikan terapung'

Tular

**KANGAR** – Orang ramai dinasihatkan agar tidak terlalu ghairah menyauk ikan di Sungai Tambun Tulang di sini yang dikatakan terapung sejak kelmarin kerana dikhuatiri telah tercemar.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Asli dan Alam Sekitar Kedah, Teh Chai Aan berkata, banyak ikan ditemui mati dan hanyut di Sungai Tambun Tulang dan ia terdiri daripada beberapa spesies seperti lampam, tilapia dan baung.

Kata beliau, susulan itu, terdapat penduduk kampung mengambil kesempatan dengan menyauk ikan tersebut yang dipercayai untuk dimakan dan dijual.

"Ikan-ikan itu dipercayai dibawa oleh air dari Sungai Korok di Jitra, Kedah dekat sini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Chai Aan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan negeri telah turun pa-

dang mengambil sampel untuk ujian kimia dan keputusannya dijangka diperoleh dalam masa beberapa hari.

"Sehingga kini, kualiti air secara visual dalam keadaan baik dengan sedikit keruh akibat hujan.

"Analisa di lapangan juga menunjukkan keadaan masih baik dan tiada tanda-tanda air tercemar dan tidak berminyak," ujarnya.

Sementara itu, Chai Aan berkata, JAS negeri juga telah menghubungi Jabatan Perikanan negeri berhubung perkara tersebut selain mendapatkan kerjasama daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

"Sungai Tambun Tulang merupakan sumber air bagi Loji Pembersihan Air Arau dan pihak operator telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut," ujarnya.

Pada kelmarin, tular di media sosial Facebook mengenai hasil tangkapan ikan yang didakwa terapung di Sungai Korok, Jitra sehingga ke Sungai Tambun Tulang di negeri ini.



IKAN lampam antara ikan yang tumbang di Sungai Tambun Tulang, Kangar semalam.

SEORANG penduduk menunjukkan ikan yang berjaya disauk di Kangar semalam.

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 13/9/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19         |

*Tangan kanan bayi putus digigit anjing*

# Baka Plott Hound tak boleh dilesenkan

**Pemilik berdepan tindakan tegas denda, penjara jika bersalah**

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengesahkan pemilik anjing yang menggigit tangan kanan bayi perempuan berusia tujuh hari sehingga putus di Bachang di sini, Selasa lalu tidak memiliki lesen peliharaan haiwan itu.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu, berkata anjing jenis *Plott Hound* itu sudah ditangkap dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk tindakan kuarantin dua minggu bagi memastikan tiada gejala penyakit anjing gila (rabies).

Katanya, susulan laporan diterima berkaitan kejadian Selasa lalu, sepasukan anggota MBMB bersama polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri ke lokasi di Taman Widuri, Bachang.

"Berdasarkan rekod, pemilik anjing berusia 41 tahun itu tidak mempunyai lesen, malah anjing baka Jerman yang jarang dipelihara di negara ini sebenarnya tidak boleh dilesenkan.

"Sehubungan itu, tindakan te-

gas mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing akan diambil ke atas lelaki berkenaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr Aidi Mohamad, pula berkata kuarantin haiwan dibuat 14 hari dan jika terdapat tanda virus rabies, haiwan itu akan dilupuskan.

Tangkapan anjing jantan yang menggigit bayi berkenaan dibuat mengikut Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953 untuk pemerhatian penyakit anjing gila.

"Jika tiada tanda penyakit, anjing akan diserahkan semula kepada MBMB selepas tempoh kuarantin untuk tindakan selanjut-

nya," katanya.

Dalam kejadian jam 8.30 pagi Selasa lalu, seorang bayi perempuan berusia tujuh hari putus tangan kanan selepas digigit anjing peliharaan ahli keluarganya, di Bachang di sini.

Ketika kejadian, bayi berkenaan dijaga ibu saudara di rumah itu. Wanita terbabit membawa bayi berkenaan ke ruang tamu berdekatan pintu jeriji rumah untuk dikenakan cahaya matahari bagi mengurangkan gejala demam kuning.

Sementara itu, usaha untuk menjejaki keluarga bayi malang terbabit bagi mendapatkan perkembangan terkini rawatan tangannya gagal.

Difahamkan, semua ahli keluarga mangsa berada di Hospital Kuala Lumpur (HKL), tempat bayi itu menerima rawatan.

**Tangan bayi 7 hari putus digigit anjing**

Mangsa diletak dekat pintu pagar rumah

Oleh Amir Mamat

Laporan BH Selasa lalu.

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|---------|------------|
| 13/9/2020 | SINAR<br>HARIAN | NEGERI  | 41         |

## Pemilik anjing gigit tangan bayi tiada lesen

**MELAKA** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengesahkan pemilik anjing yang menggigit tangan kanan seorang bayi perempuan berusia tujuh hari hingga putus di Bachang pada Selasa lalu, tidak memiliki lesen peliharaan haiwan.

Datuk Bandar, Datuk Zainal Abu berkata, anjing jenis *plott hound* milik seorang lelaki berusia 41 tahun itu telah ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk kuarantin selama dua minggu bagi memastikan tiada gejala penyakit anjing gila atau rabies.

"Sepasukan anggota MBMB bersama pihak polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ke lokasi kejadian di Taman Widuri, Bachang susulan laporan diterima.

"Kita dapati lelaki terbabit tidak mempunyai rekod pemilikan lesen anjing baka Jerman yang jarang dipelihara dan tidak boleh dilesenkan itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* semalam.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan akan mengambil tindakan mengikut Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Vete-

rinar Melaka, Dr Aidi Mohamad berkata, kuarantin haiwan dibuat selama 14 hari dan jika ada tanda-tanda virus rabies, anjing terbabit akan dilupuskan.

Menurutnya, tangkapan anjing jantan yang menggigit bayi berkenaan dibuat mengikut Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953 untuk pemerhatian penyakit anjing gila dan sekiranya tiada tanda penyakit, anjing berkenaan akan diserahkan semula kepada MBMB selepas tempoh kuarantin untuk tindakan lanjut.

Dalam laporan *Sinar Harian* semalam, seorang bayi perempuan berusia tujuh hari putus tangan kanan akibat digigit seekor anjing peliharaan dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi di rumahnya di Bachang di sini pada Selasa lalu.

Dalam kejadian terbabit, mangsa dipercayai diletakkan di ruang tamu berhampiran dengan pintu jeriji oleh ibu saudaranya untuk 'menjemur' mangsa bertujuan mendapatkan sinaran matahari bagi mengurangkan penyakit demam kuning atau jaundis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd Nor Yhazid Idris berkata, bagaimanapun, anjing peliharaan milik suami kepada ibu saudara itu telah mencederakan bayi berkenaan yang dibiarkan bersendirian di ruang tamu sehingga mengalami kecederaan parah pada tangan.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 13/9/2020 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 38         |

## Sayur RM1 habis dalam empat jam

**KUALA SELANGOR:** Bagi membantu rakyat mendapat harga sayuran murah, Taman Pengeluaran Makanan Kekal di sini mengambil inisiatif menjual pelbagai jenis sayuran dengan harga RM1 bagi sejumlah sayur segar.

Promosi Jualan Murah Bulan Merdeka tersebut membatik kacang panjang, sawi, kangkung, rebung, cili api, lima kasturi dan peria.

Seorang peserta, Mohd. Ariff Iskandar Mohd. Fadzil, 37, berkata, jualan murah tersebut bukan sahaja untuk membantu masyarakat mendapatkan sayur-sayuran pada harga murah tetapi segar dari ladang.

“Ramai yang ingat Taman Pengeluaran Makanan Kekal ini sudah tutup. Jadi usaha kita untuk menghebahkan kepada umum bahawa masih lagi menjalankan aktiviti pertanian.

“Kita bukan sahaja menjual sayur-sayuran tetapi terdapat juga beberapa jenis ikan air tawar dengan harga juga murah. Antaranya ikan talapia RM5 sekilogram (kg), patin (RM7/kg), keli (RM5/kg) dan baung (RM20/kg).

“Alhamdulillah, kurang empat jam kita menjual kira-kira 150kg hasil pertanian kepada masyarakat,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini semalam.



**ORANG** ramai memilih pelbagai jenis sayuran segar sempena Promosi Jualan Murah Bulan Merdeka di Taman Pengeluaran Makanan Kekal, Kuala Selangor, Selangor semalam.

# Sayur kebun RM1 seikat laris

**KUALA SELANGOR** – Kira-kira 152 kilogram sayuran berjaya dijual dalam tempoh kurang empat jam dengan harga serendah RM1 dalam promosi jualan merdeka di Taman Pengeluaran Makan Kekal, Bestari Jaya di sini semalam.

Sayuran itu seperti peria katak, kacang panjang, sawi, kangkung, cili, rebung, serai dan daun kesum hasil ladang daripada peserta taman tersebut yang dijual pada harga RM1.

Turut dijual adalah ubi kayu, nangka, cempedak dan ikan air tawar seperti tilapia, patin dan baung yang bermula pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Seorang peserta yang dite-

mui Kosmo! Ahad, Ibrahim Massan, 58, berkata, jualan tersebut secara langsung dapat memperkenalkan Taman Pengeluaran Makanan Kekal kepada penduduk di sekitar daerah ini khususnya.

Katanya, ramai pelanggan beranggapan taman berunsur pertanian tidak lagi wujud atau beroperasi.

"Jualan ini serampang dua mata dalam membantu masyarakat mendapat hasil terus dari kebun dan mempromosikan taman ini secara langsung.

"Tambahan, kita langsung tidak menyangka mendapat sambutan begini," katanya.



**ORANG** ramai membeli sayuran yang dijual pada harga RM1 seikat pada jualan merdeka di Taman Pengeluaran Makanan Kekal, Bestari Jaya semalam.

## 3,000 nelayan sukar jual hasil laut

**ALOR SETAR** – Kira-kira 3,000 nelayan di Kuala Kedah di sini runsing apabila sukar untuk menjual hasil tangkapan selepas ramai peraih tidak masuk ke kawasan itu susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di daerah itu sejak kelmarin.

Nelayan, Mohd. Hamdan Khamis, 26, berkata, dia bimbang hasil tangkapan hariannya iaitu kira-kira 200 kilogram (kg) ikan kembung tidak terjual sepanjang PKPD.

"Setakat pukul 12 tengah hari ini, (semalam) tiada lagi peraih yang datang dan hanya seorang peniaga kecil-kecilan datang untuk membeli ikan dalam jumlah kecil," katanya ketika ditemui di pelantar ikan Kuala Kubang Rotan, di sini semalam.

Katanya, kebanyakan peraih dari daerah Padang Terap, Yan dan Kuala Muda tidak dapat masuk ke kawasan PKPD untuk memborong ikan.

"Saya difahamkan mereka boleh masuk tetapi memerlukan kebenaran daripada pihak polis dan mungkin kesukaran itu menyebabkan mereka tidak mahu masuk," ujarnya.

Menurut Mohd. Hamdan, dia terpaksa menjual stok ikan yang tidak terjual itu kepada syarikat membuat baja pada harga 60 sen



**PENDAPATAN** penjual di Pasar Nelayan Kubang Rotan di Kuala Kedah semalam agak terjejas ekoran pengumuman PKPD Kota Setar. – SHAHIR NOORDIN

sekilogram.

"Itu adalah pilihan terakhir sekiranya tiada langsung pemborong yang mengambil ikan," jelasnya.

Peniaga ikan, Yusri Yusoff, 44, dia masih berkira-kira untuk membeli ikan kerana bimbang ia

tidak habis dijual.

"Biasanya saya akan berniaga ikan dengan menggunakan motosikal sehingga ke daerah Pendang tetapi kali ini dibenarkan di kawasan PKPD sahaja, itu pun kalau dapat kebenaran daripada pihak polis," katanya.